

DASAR COOKIE

Tarikh Kuat Kuasa: [*]

Dasar Cookie ini (“**Dasar Cookie**”) akan menggariskan bagaimana Unit Peneraju Agenda Bumiputera dan TERAJU Bumiputera Corporation, sekutunya, dan subsidiarinya (“**TERAJU**”, “**kami**” dan “**kita**”) menggunakan *cookie* dan alat penjejak anda dan Dasar Cookie ini akan berkuatkuasa ke atas semua individu yang menggunakan Laman Sesawang, Program atau aktiviti atas talian kami yang lain – termasuklah aplikasi mudah alih, teknologi sentuhan, kefungisian berbual, ciri interaktif atau perkhidmatan atas talian lain yang kami kawal atau miliki (secara kolektifnya, “**Perkhidmatan**”). Untuk istilah yang mengawal penggunaan Perkhidmatan, sila semak Terma dan Syarat Laman Sesawang.

Dengan menggunakan Perkhidmatan, anda mengakui bahawa anda telah membaca dan bersetuju dengan terma Dasar Cookie ini. Jika anda mahu *cookies* anda digunakan seperti yang dinyatakan dalam Dasar Cookie ini, anda boleh tukar tetapan di alat peranti anda. Jika anda memilih untuk menyekat *cookie* ini, Perkhidmatan ini mungkin tidak akan berfungsi seperti yang sepatutnya dan semua pilihan anda akan hilang.

Kami mungkin akan mengubah Dasar Cookie pada bila-bila masa sahaja. Anda dianggap bersetuju dan memberikan kebenaran kepada semua perubahan pada Dasar Cookie ini jika anda terus menggunakan Perkhidmatan.

Jika kami membuat sebarang perubahan yang ketara, kami akan memberi notis kepada anda melalui e-mel (dihantar kepada alamat e-mel yang dinyatakan dalam borang aplikasi untuk Program) atau melalui notis di Perkhidmatan sebelum perubahan dilakukan. Anda boleh mengetahui tarikh akhir Dasar Cookie dikemaskini dengan merujuk kepada “Tarikh Kuat Kuasa” di atas.

Untuk mengelakkan keraguan, Dasar Cookie ini bertujuan untuk digunakan ke atas semua Pengguna, tidak kira sama ada mereka peserta kepada Program atau mengakses Laman Sesawang Mikro.

Istilah yang mempunyai maksud tersendiri telah dinyatakan di Terma dan Syarat Laman Sesawang melainkan yang dinyatakan sebaliknya. Sejauh mana Dasar Cookie ini mengubah sesuatu peruntukan kepada Dasar Perlindungan Data Peribadi atau Terma dan Syarat Laman Sesawang, Dasar Cookie ini akan menggantikan semuanya.

1. APA ITU *COOKIE*?

Cookie ialah maklumat dalam kuantiti yang sedikit yang dihantar oleh pelayan laman sesawang kepada penyemak imbas yang menyimpan semua maklumat berkaitan dengan pilihan-pilihan anda dan juga penggunaan Perkhidmatan oleh anda. Sesetengah *cookie* mempunyai nombor siri yang membenarkan kami untuk menyambung aktiviti anda melalui Pkhidmatan dengan maklumat yang kami simpan berkenaan dengan anda yang didapati dalam profil anda atau interaksi yang berkaitan dengan Perkhidmatan.

Sesetengah *cookie* adalah sementara sahaja, manakala selainya akan dikonfigurasikan untuk bertahan lebih lama. *Cookie* “Sesi” adalah *cookie* yang sementara dan digunakan untuk pelbagai tujuan, seperti untuk mengendalikan paparan halaman. Penyemak imbas anda selalunya akan memadamkan *cookie* sesi ini sejourus anda keluar daripada penyemak imbas anda. *Cookie* “Berterusan” pula adalah *cookie* kekal yang disimpan dalam komputer atau alat mudah alih anda walaupun anda telah keluar daripada penyemak imbas anda. Kami

menggunakan *cookie* kekal ini untuk beberapa tujuan, seperti mendapatkan maklumat yang telah diberikan oleh anda kepada kami dan juga untuk menyimpan tetapan pilihan anda.

Teg piksel dan penjejak laman sesawang adalah imej grafik yang sangat kecil dan ia diletakkan di halaman laman sesawang atau di dalam e-mel dan ia membenarkan kami untuk menentukan jika anda mahu membuat sesuatu perkara. Semasa anda mengakses halaman-halaman ini atau membuka e-mel, piksel tag dan penjejak laman sesawang akan menjana satu notis kepada perlakuan itu kepada kami, atau pembekal perkhidmatan kami. Alat ini membenarkan kami untuk mengukur tindak balas kepada semua komunikasi kami dan juga untuk menambah baik Perkhidmatan kami, disamping bagi tujuan promosi.

2. BAGAIMANA KAMI MENGGUNAKAN *COOKIE*

Apabila anda menggunakan Perkhidmatan, kami akan mengumpul beberapa maklumat secara automatik atau elektronik, menggunakan teknologi seperti *cookie*, tag piksel, penjejak laman sesawang, alat analisa penyemak imbas dan log pelayan laman sesawang. Setelah anda menggunakan Perkhidmatan, penyemak imbas dan alat peranti anda akan berkomunikasi dengan pelayan laman sesawang yang dikendalikan oleh kami, rakan perniagaan dan pembekal perkhidmatan kami untuk menyelaras dan merekod interaktiviti dan mengisi permintaan anda untuk perkhidmatan dan maklumat.

Maklumat daripada *cookie* dan teknologi yang berkaitan akan disimpan ke dalam log pelayan laman sesawang dan juga di *cookie* laman sesawang yang disimpan dalam computer atau alat mudah alih, dan akan dihantar kembali kepada laman sesawang kami melalui komputer atau alat mudah alih anda. Pelayan dan *cookie* tersebut dikendalikan oleh kami, rakan perniagaan atau pembekal perkhidmatan kami.

Contohnya, semasa anda melawat Perkhidmatan, TERAJU dan pembekal perkhidmatan kami akan meletakkan *cookie* ke dalam computer atau alat mudah alih anda. *Cookie* tersebut akan membenarkan kami untuk mengesan anda apabila anda kembali, menjejak dan menyasar minat anda supaya kami dapat memberi pengalaman yang disesuaikan untuk anda. Perkara ini juga akan menolong kami untuk mengesan beberapa jenis penipuan yang tertentu.

Kami mengumpul banyak jenis maklumat daripada *cookie* dan juga teknologi lain. Contohnya, kami mungkin akan mengumpul maklumat daripada alat peranti anda yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan, jenis sistem operasi anda, model alat mudah alih, alat pengecaman nombor yang unik, jenis penyemak imbas, domain, tetapan sistem yang lain, dan juga bahasa yang digunakan oleh sistem anda, negara dan zon masa alat peranti anda. Penyemak imbas secara rutinnya akan menghantar maklumat ini kepada pelayan laman sesawang. Log pelayan kami juga merekod alamat Protokol Internet (“**IP**”) alat peranti yang anda gunakan untuk berinteraksi dengan laman sesawang. Alamat IP adalah pengecam unik yang alat peranti gunakan untuk mengesan dan berkomunikasi dengan sama sendiri dalam Internet. Kami juga akan mengumpul maklumat mengenai laman sesawang yang anda lawat sebelum anda melawati Laman Sesawang kami dan juga laman sesawang yang anda lawat selepas meninggalkan Laman Sesawang, jika maklumat ini diberikan kepada kami daripada penyemak imbas anda.

Terdapat banyak kes di mana maklumat yang kami kumpul menggunakan *cookie* dan alat lain digunakan dengan cara yang tidak dapat dikenal pasti. Contohnya, kami menggunakan maklumat yang kami kumpul mengenai Pengguna untuk mengoptimumkan Perkhidmatan kami dan juga untuk memahami trafik dan corak penggunaannya. Tambahan lagi, jika tetapan

dalam alat peranti anda membenarkan kami untuk menerima maklumat geolokasi, kami akan mengumpulnya secara automatik. Untuk maklumat lebih lanjut tentang bagaimana kami mengendalikan maklumat yang dapat dikenalpasti, anda disarankan untuk membaca Dasar Perlindungan Data Peribadi di [[*link](#)]

TERAJU mempunyai hubungan dengan syarikat periklanan pihak ketiga untuk meletakkan iklan bagi pihak kami ke dalam laman sesawang mereka, dan juga untuk melakukan fungsi penjejakan dan pelaporan untuk Perkhidmatan dan iklan kami. Pihak ketiga ini mungkin akan secara automatik mengumpul maklumat tentang lawatan anda ke Laman Sesawang dan laman sesawang yang lain, alamat IP anda, ISP anda dan juga penyemak imbas yang anda gunakan untuk melawati Laman Sesawang. Mereka melakukan ini dengan menggunakan *cookie*, gif jelas dan teknologi lain. Maklumat yang dikumpul mungkin akan digunakan, dalam pada yang lain, untuk menyampaikan iklan yang disasar berdasarkan minat anda dan juga untuk memahami dengan lebih mendalam tentang penggunaan dan lawatan Laman Sesawang dan laman sesawang lain yang dijejak oleh pihak ketiga ini. TERAJU tidak bertanggungjawab ke atas *cookie* atau gif jelas dalam iklan pihak ketiga. Kami menyarankan anda untuk mengkaji semula dasar privasi atau kenyataan daripada syarikat periklanan pihak ketiga ini untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang penggunaan *cookie* dan juga teknologi lain.